

# Kes import meningkat 67.3 kali ganda

**Putrajaya:** Waspada berikutan jumlah kes import membabitkan pesakit Covid-19 yang mendapat jangkitan dari luar negara menunjukkan peningkatan sebanyak 67.3 kali ganda pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-25/2022.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pada minggu sebelumnya, jumlah kes import hanya mencatatkan sejumlah lapan kes, bagaimanapun jumlah itu terus meningkat pada ME 25/2022 membabitkan 538 kes.

Katanya, selain kes import, jumlah penularan kes baharu serta kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital juga turut mencatatkan peningkatan pada ME 25/2022 atau sepanjang tempoh 19 Jun hingga Sabtu lalu.

“Bilangan kes baharu bagi ME 25/2022 meningkat sebanyak 10.9 peratus bersempamaan 15,739 kes berbanding minggu sebelumnya yang mencatatkan 14,195 kes, manakala jumlah kes tempatan meningkat sebanyak 7.1 peratus iaitu da-



KADAR jangkitan Covid-19 dari luar negara terus meningkat.

ripada 14,187 kes kepada 15,201 kes.

“Purata kes aktif setiap hari bagi ME 25/2022 adalah 26,946 iaitu terdapat peningkatan sebanyak 12.1 peratus berbanding minggu sebelumnya. Bagaimanapun, bilangan kes sembuh turut meningkat iaitu sebanyak 33.8 peratus (10,524 kes kepada 14,078 kes),” katanya semalam.

Tambah Dr Noor Hisham, bagi jumlah kes kematian membabitkan pe-

masuk pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan termasuk Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) awam, Dr Noor Hisham berkata bagi setiap 100,000 penduduk, ia meningkat sebanyak 11 peratus ME 25/2022.

“Selain itu, jumlah pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk meningkat sebanyak 28 peratus. Pesakit kategori 1 dan 2 meningkat sebanyak 14 peratus manakala pesakit kategori 3, 4, dan 5, meningkat sebanyak 45 peratus.

“Bagaimanapun, penggunaan katil bukan kritikal, katil Unit Rawatan Rapi (ICU) dan katil di PKRC tiada perubahan. Namun jumlah pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan (ABP) meningkat sebanyak 0.1 peratus,” katanya.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata kes positif Covid-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara juga menunjukkan trend peningkatan.

13

Jumlah kes kematian  
dicatatkan pada  
ME 25/2022

sakit Covid-19, ia menunjukkan penurunan sebanyak 38.1 peratus iaitu daripada 21 kes pada minggu sebelumnya dan 13 kes pada ME 25/2022.

Dalam pada itu, mengulas mengenai jumlah ke-